

09/08/2003

PM sambut kepulangan Malik

SEPANG: Perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin, yang menjadi rakyat Malaysia dan Asia Tenggara pertama merentasi Selat Inggeris Isnin lalu, diberi sambutan besar-besaran sekembalinya ke tanah air, petang semalam.

Majlis sambutan kepulangan wira negara itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang bergegas pulang selepas mengakhiri lawatan sehari ke Sabah.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein dan timbalannya Datuk Ong Tee Keat serta pelayar negara Datuk Azhar Mansor yang berjaya mengelilingi dunia secara solo pada 1999.

Ketibaan Abdul Malik kira-kira jam 6.30 petang, disambut sorakan "Malaysia Boleh" oleh kira-kira 1,000 orang termasuk ahli keluarganya. Pelbagai kain rentang turut dibawa, antaranya mengucapkan syabas dan menyifatkan perenang itu sebagai Wira Samudera.

Abdul Malik mengambil masa 17 jam 25 minit untuk berenang merentasi selat sejauh 58 kilometer dari Abbots Cliff di Dover ke pantai Wissant di Calais, Perancis, dalam cubaan kali pertama yang jarang dapat dilakukan perenang sebelum ini.

Setakat ini, kira-kira 8,000 perenang seluruh dunia cuba merentasi selat itu, tetapi kira-kira 600 saja yang berjaya dan hanya kira-kira 60 perenang dapat berbuat demikian pada cubaan pertama.

Dr Mahathir dalam ucapannya pada majlis sambutan itu, berkata tiada yang mustahil bagi rakyat untuk melakukan sesuatu sekiranya gigih mencuba.

"Kerana Malik saya berasa saya berdiri lebih tegap daripada dulu.

"Kita boleh berbangga dengan kebolehan anak watan kita," kata Dr Mahathir disambut tepukan gemuruh.

Dr Mahathir berkata, Abdul Malik menemuinya kira-kira tiga tahun lalu untuk menyatakan hasratnya berenang merentasi Selat Inggeris dan beliau pada mulanya tidak begitu yakin.

Bagaimanapun, katanya, semangat dan kecekalan yang ditunjukkan Abdul Malik itulah yang akan menjayakan bangsa Malaysia.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan golongan muda agar menyerapkan nilai-nilai yang ada pada Abdul Malik, seperti ketabahan, disiplin, ketekunan dan kesabaran.

Perdana Menteri berkata, walaupun Abdul Malik diberitahu bahawa jadual renangnya terpaksa diubah beberapa kali, namun tekanan yang dihadapinya tidak langsung mematahkan semangatnya.

Setelah rakyat Malaysia mengelilingi dunia, mendaki Gunung Everest dan mencuba pelbagai cabaran lain, Perdana Menteri berkata, akan ada satu cabaran lagi yang akan menguji ketabahan hati anak muda Malaysia.

"Kita akan menghantar angkasawan ke angkasa lepas. Ini bukan sesuatu yang mudah kerana latihannya mengambil masa sehingga dua tahun dan ujian yang dibuat amat mencabar.

"Tetapi kita ingin menjadi bangsa yang mulia dan bermaruah, maka hendaklah kita menguatkan hati kita, kita disiplinkan diri kita dan membuat persediaan menghadapi cabaran yang datang ini," katanya.

Dr Mahathir percaya ramai rakyat akan menawarkan diri untuk menjadi angkasawan pertama negara nanti.

Beliau juga yakin dengan berbekalkan semangat yang kental dan tahap keberanian yang tinggi, cabaran menghantar angkasawan negara akan menjadi

kenyataan.

"Ia, memang benar banyak bangsa lain yang sudah ke angkasa lepas bahkan ada yang mendarat di bulan pun. Tetapi bagi bangsa kita ini adalah sesuatu yang amat mencabar," katanya.

Dr Mahathir berkata, tidak banyak bangsa yang sedang membangun di dunia yang akan mempunyai peluang seumpama itu.

Justeru, beliau mengajak rakyat bersyukur kerana diberi peluang untuk diuji menghadapi cabaran dunia moden ini.

"Malaysia boleh, rakyat Malaysia boleh. Kalau ada kesanggupan kita boleh, boleh mengatasi segala-galanya. Insya Allah," katanya sambil mengucapkan tahniah kepada Abdul Malik bagi pihak dirinya dan kerajaan kerana mengharumkan nama negara.